



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

KENYATAAN TAWARAN

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred 'G 1' Kategori CE Sub Kategori CE 21 bertaraf bumiputera yang masih sah dan berkuatkuasa. Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera tempoh sah lakunya masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup sebut harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN : CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN PAGAR DAN PELETAKAN PAPAN TANDA DI PANJI, KELANTAN.

NO. SEBUT HARGA : NRECC/JPP/PANJI/SCC/2023-Q7

JENIS TAWARAN : Terbuka (Untuk Petender Yang Berdaftar Di KELANTAN Sahaja)

KOD BIDANG :

Kod Bidang	Bidang	Sub Bidang	Pecahan Sub Bidang
CE21	PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM	PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM	KERJA-KERJA PEMBINAAN PEMASANGAN ATAU PENGUBAHSUAIAN APA-APA BINAAN KEJURUTERAAN AWAM

TARIKH MULA TAWARAN : 28/8/2023

TARIKH TUTUP TAWARAN : 19/9/2023

TEMPOH SAH LAKU : 90

LOKALITI :

lokasi

Negeri

KELANTAN

Kehadiran pada taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai sebut harga ini dan dokumen sebut harga boleh diperolehi dengan membawa **Sijil Asal beserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan)** semasa membeli dokumen sebut harga. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SPKK atau Kementerian Kewangan sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. Sekiranya syarikat menghantar wakil semasa sesi lawatan tapak, wakil-wakil syarikat hendaklah membawa surat wakil kuasa daripada pegawai yang ditauliahkan seperti dalam Sijil Pendaftaran Kontraktor. Sila bawa bersama cop syarikat semasa lawatan tapak. Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam wang pos/draf bank/jaminan bank di atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.

Perihal	Tarikh / Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
<p>Taklimat Cadangan Kerja-Kerja Pemasangan Pagar Dan Peletakan Papan Tanda Di Panji, Kelantan.</p> <p>Dokumen Sebut Harga boleh dibeli selepas sesi taklimat dan lawatan tapak pada 5 September 2023 (Sila sediakan wang pos/draf bank/jaminan bank berharga RM50.00 yang dibuat di atas nama AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA)</p>	<p>5/9/2023</p> <p>10.00 Pagi</p>	<p>Tapak Tanah Rizab Pembedungan Lot 12775, Mukim Chekok, Panji, Kelantan</p> <p>Latitude; 6.140026 Longitude 102.276887</p>	<p>Pn. Wan Nihayah En. Asmawi</p>	<p>2</p>

Dokumen Sebut Harga juga boleh dibeli dari tarikh **6 September 2023 hingga 8 September 2023** di pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembedungan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Aras 3, Blok B, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abd Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya dengan menyertakan wang pos/draf bank/jaminan bank berharga **RM50.00** yang dibuat di atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 1** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembedungan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Aras 3, Blok B, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abd Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 19 September 2023 (Selasa)**.

Perincian Taklimat

1. PERTANYAAN / PENJELASAN LANJUT

Semua pertanyaan tentang urusan sebut harga hendaklah dibuat samada secara bertulis, telefon atau faks sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah;

Alamat : Bahagian Pengurusan Tanah
Jabatan Perkhidmatan Pembedungan
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim
Aras 2, Blok B Suasana PjH
No.2, Jalan Tun Abd Razak, Presint 2
62100 Putrajaya, Malaysia.

Telefon: 03-8861 9000
Faks : 03-8861 9010

2. HARGA TAWARAN

Harga yang ditawarkan mestilah dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan sebagai contoh : RM0.12/unit.

3. PEMBAYARAN

Semua pembayaran dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Bayaran sepenuhnya akan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari setelah pihak kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.